LEMBARAN PENYIASATAN


Tajuk : Daya

Radas/bahan : Tin 500g, buku teks Sains, 10 biji guli
Arahan :


1. Letak 1 tin di atas meja.
2. Letak buku teks Sains di atas tin tersebut.
3. Cuba pusingkan buku tadi dengan menolak mengikut pusingan jam. Perhatikan apa yang berlaku.



4. Angkat buku dari permukaan tin tadi.
5. Letakkan beberapa biji guli mengikut saiz yang sesuai di sekeliling alur penutup tin.



6. Dengan perlahan-lahan letakkan semula buku di atas guli-guli tadi.
7. Cuba pusingkan buku dengan menolak mengikut pusingan jam sekali lagi. Perhatikan apa yang berlaku.



8. Pusingkan sekali lagi buku tersebut dengan aras mata anda pada sama aras dengan bahagian atas tin tersebut. Perhatikan apa yang berlaku kepada guli-guli bila buku dipusingkan.



Saya dapat mendefinisi secara operasi dengan: (*tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan*)

mentakrif istilah dalam konteks pengalaman sendiri.

membuat pernyataan apa yang dilakukan dan apa yang diperhatikan.

Soalan:

- i. Adakah buku tersebut senang dipusingkan tanpa guli-guli di atas tin?
Mengapa?

- ii. Adakah buku tersebut senang dipusingkan bila guli-guli di letakkan di atas tin?
Mengapa?

- iii. Apa yang anda perhatikan berlaku pada guli-guli tersebut bila buku dipusingkan? Jelaskan.

- iv. Berdasarkan aktiviti di atas , nyatakan definisi secara operasi bagi geseran.

LEMBARAN KERJA



Saya dapat mendefinisi secara operasi dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

mentakrif istilah dalam konteks pengalaman sendiri.

membuat pernyataan apa yang dilakukan dan apa yang diperhatikan.

Tajuk

: Daya

Arahan

: Terdapat beberapa situasi yang melibatkan geseran dalam kehidupan seharian. Cari maklumat lanjut tentang situasi yang melibatkan geseran.

	Situasi	penerangan
a.		
b.		
c.		



Mengenal pasti pemboleh ubah dimanipulasikan, pemboleh ubah bergerakbalas dan pemboleh ubah yang dimalarkan. Dalam sesuatu penyiasatan, satu pemboleh ubah dimanipulasikan untuk memerhatikan hubungannya dengan pemboleh ubah bergerak balas. Pada masa yang sama pemboleh ubah yang lain dimalarkan.

PETUNJUK

- Menentukan pemboleh ubah yang relevan dalam penyiasatan.
- Menentukan pemboleh ubah yang dimanipulasi, pemboleh ubah bergerakbalas dan pemboleh ubah dimalarkan.
- Menyatakan perubahan pada pemboleh ubah manipulasi memberi kesan kepada pemboleh ubah bergerakbalas.
- Mengenal pasti parameter pemboleh ubah yang terlibat dalam penyiasatan.

**CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN**

Tema/Tajuk : Interaksi Antara Hidupan

Masa : 60 minit

Standard
Pembelajaran : 4.2.1 dan 4.2.2

Objektif
Pembelajaran : Di akhir pembelajaran murid dapat:

- i. Mengenalpasti pembolehubah yang dimanipulasi, pembolehubah bergerakbalas dan pembolehubah yang dimalarkan.
- ii. Menentukan pembolehubah yang dimanipulasi, pemboleh ubah yang bergerakbalas dan pemboleh ubah yang dimalarkan.
- iii. Menguasai kemahiran mengawal pembolehubah.
- iv. Membuat penilaian kendiri tentang pemahaman kemahiran pemboleh ubah.

Standard Kandungan
4.2 Interaksi antara tumbuhan

Standard Pembelajaran
4.2.1 Memerihalkan faktor persaingan antara tumbuhan berdasarkan pemerhatian menerusi pelbagai media iaitu:

- Ruang
- Cahaya matahari
- Air
- Nutrien

4.2.2 Menjalankan penyiasatan untuk menentukan faktor yang menyebabkan persaingan antara tumbuhan.

Aktiviti:

1. Guru mengedarkan kad aktiviti dan lembaran penyiasatan kepada setiap kumpulan (rujuk lampiran).

Nota:

- i) Senarai bahan dan alatan di atas diedarkan oleh guru kepada murid-murid.
- ii) Benih jagung disemai pada tisu lembap untuk penghasilan anak pokok jagung

2. Murid menjalankan aktiviti.

Selepas seminggu

3. Murid merekodkan hasil dapatan selepas 1 minggu.
4. Ketua kumpulan membentangkan hasil dapatan.
5. Guru menilai hasil kerja murid dan membimbing murid membuat rumusan.

EMK : Kreativiti

Bahan Bantu Belajar : 12 buah pasu dilabel, 60 anak pokok jagung, air, Silinder penyukat, tanah kebun, pembaris meter, bikar

Penilaian PdP : Lembaran Penyiasatan .



LEMBARAN PENYIASATAN 1

Tajuk :Interaksi antara hidupan

Radas/Bahan:pasu, anak pokok jagung, air, silinder penyukat, tanah kebun, pembaris meter, bikar.



Arahan:

1. Senaraikan semua alatan dan bahan yang diterima.
2. Tentukan pemboleh ubah yang akan mempengaruhi penyiasatan berdasarkan alatan dan bahan yang diterima.
3. Apakah yang ingin kamu siasat?
4. Pilih satu daripada pemboleh ubah-pemboleh ubah yang disenaraikan sebagai pemboleh ubah dimanipulasi.
5. Setelah pemboleh ubah dimanipulasi ditentukan, kenal pasti pemboleh ubah-pemboleh ubah yang dimalarkan dalam penyiasatan tersebut.
6. Rancang satu penyiasatan untuk menguji pemboleh ubah dimanipulasi yang telah ditentukan dengan mengambil kira pemboleh ubah yang dimalarkan dan pemboleh ubah bergerak balas
7. Ambil alatan dan bahan tambahan yang secukupnya.

8. Jalankan penyiasatan untuk menguji pemboleh ubah kamu.
9. Rekod pemerhatian kamu dalam ruangan yang disediakan.

Saya dapat menentukan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

pemboleh ubah yang relevan dalam penyiasatan.

menentukan pemboleh ubah yang di manipulasi, pemboleh ubah bergerak balas dan pembeloh ubah dimalarkan.

menyatakan perubahan pada pemboleh ubah manipulasi memberi kesan kepada pemboleh ubah bergerak balas.

mengenal pasti parameter pemboleh ubah yang terlibat dalam penyiasatan.

Tajuk : _____

Alatan dan Bahan : 1. _____
2. _____
3. _____
4. _____
5. _____

Pemboleh ubah : Pemboleh ubah dimanipulasi

Pemboleh ubah dimalarkan

Pemboleh ubah bergerak balas

Langkah-langkah : 1.
Penyiasatan 2.
3.
4.
5.
6.
7.

Pemerhatian : (keputusan/graf/jadual/rajah)

AKTIVITI LANJUTAN

1. Sekiranya kamu diberi peluang untuk meneruskan penyiasatan ini, pilih satu pemboleh ubah dimanipulasi yang baru daripada pemboleh ubah dimalarkan yang telah disenaraikan di atas.

- a) Pemboleh ubah dimanipulasi

- b) Pemboleh ubah dimalarkan

- c) Pemboleh ubah bergerak balas

2. Berdasarkan aktiviti ini,

- a) adakah pemboleh ubah dimanipulasi boleh dipelbagaikan?
b) bolehkah pemboleh ubah dimalarkan boleh ditukar kepada pemboleh ubah dimanipulasi?



LEMBARAN KERJA 1



Saya dapat menentukan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

pemboleh ubah yang relevan dalam penyiasatan.

menentukan pemboleh ubah yang di manipulasi, pemboleh ubah bergerak balas dan pembeloh ubah dimalarkan.

menyatakan perubahan pada pemboleh ubah manipulasi memberi kesan kepada pemboleh ubah bergerak balas.

mengenal pasti parameter pemboleh ubah yang terlibat dalam penyiasatan.

Tajuk : Menentukan pemboleh ubah

Arahan : Jawab soalan berikut:

Pasu	Bilangan anak pokok	Ketinggian anak pokok (cm)
A	1	15
B	5	12
C	10	9
D	15	6
E	20	3

Nyatakan pembolehubah yang terlibat dalam eksperimen ini:

a) Apa yang dimanipulasi (diubah)?

b) Apa yang bergerakbalas(diperhatikan) ?

c) Apa yang dimalarkan (ditetapkan) ?



Membuat sesuatu pernyataan umum tentang hubungan antara pemboleh ubah yang di fikirkan benar bagi menerangkan sesuatu perkara atau peristiwa. Pernyataan ini boleh diuji untuk menentukan kesahihannya.

PETUNJUK

- Membuat kesimpulan awal yang boleh diuji.
- Mencadangkan pernyataan umum yang difikirkan benar
- Menggunakan pengetahuan sedia ada bagi membuat sesuatu penerangan.
- Mengenal pasti pemboleh ubah
- Membuat inferens yang munasabah.
- Menentukan hubungan di antara dua pemboleh ubah berdasarkan inferens

CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Tema/Tajuk : Daya

Masa : 60 minit

Standard

Pembelajaran : 6.2.2

Objektif

Pembelajaran : Di akhir pembelajaran murid dapat:

1. Membuat hipotesis bahawa jarak yang dilalui oleh objek dipengaruhi oleh jenis permukaan.
2. Menyatakan pemboleh ubah yang mempengaruhi penyiasatan.
3. Menyatakan hubungan antara dua maklumat yang dikumpul.

Standard Kandungan

6.2 Daya Geseran

Standard Pembelajaran

6.2.2 Mengeksperimen untuk menentukan faktor yang mempengaruhi geseran iaitu:

- Jenis permukaan
- Jisim objek

Aktiviti :

1. Murid meletakkan sebuah kereta mainan kawalan jauh di atas permaidani.
2. Guru berosal jawab dengan murid tentang keadaan permukaan permaidani dan jarak yang akan dilalui oleh kereta mainan tersebut.
 - a. Bagaimanakan keadaan permukaan permaidani?
 - b. Adakah kereta mainan ini dapat bergerak jauh di atas permukaan permaidani?
 - c. Selain daripada menambah kelajuan kereta mainan ini, bagaimanakah kamu dapat membuatkan agar kereta mainan ini bergerak lebih jauh?
 - d. Mengapakah kamu memilih untuk menggunakan jenis permukaan di (c)?
 - e. Mengapakah permukaan yang licin atau kasar mempengaruhi jarak yang dilalui oleh kereta mainan?
 - f. Nyatakan satu hubungan berdasarkan jawapan kamu di (d)dengan (e)?
 - g. Jika kamu ingin menjalankan penyiasatan berdasarkan aktiviti yang disebut di atas, apakah pemboleh ubah-pemboleh ubah lain yang akan mempengaruhi jarak yang dilalui oleh kereta mainan kamu?
 - h. Bina satu hipótesis berdasarkan jawapan kamu di 2.7.
 - i. Rancang satu penyiasatan untuk menguji hipótesis yang kamu bina.

EMK : kreativiti dan inovasi

Bahan Bantu Belajar : kereta mainan, permaidani

Penilaian PdP : Lembaran penyiasatan dan Lembaran Kerja


LEMBARAN PENYIASATAN

Tajuk Bahan-bahan

:Siapa lebih Licin?
:Bongkah kayu, karpet, kertas pasir, papan lapis dan pita ukur

Arahan

1. Letakkan bongkah kayu yang sama saiz dan jisim di atas permukaan pertama.
2. Tolak bongkah kayu dengan **daya yang sama** di atas permukaan yang diuji. (contoh: Pakukan kiri kanan landasan dan ikatkan dengan getah. Tarik bongkah ke belakang pada jarak yang **ditetapkan** sebelum melepaskan bongkah agar bergerak ke hadapan).
3. Rekodkan jarak yang dilalui .
4. Ulang langkah 2 hingga 3 dengan mengubah permukaan seterusnya.
5. Catatkan perhatian kamu dalam jadual yang disediakan dengan mengukur jarak.



Jenis Permukaan	Jarak yang dilalui (cm)
Karpet	
Kertas pasir	
Papan lapis	

a. Nyatakan pemboleh ubah dalam penyiasatan di atas.

i. Pemboleh ubah manipulasi.

ii. Pemboleh ubah bergerak balas.

iii. Pemboleh ubah dimalarkan.



Saya dapat membuat hipotesis dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

membuat kesimpulan awal yang boleh diuji.

mencadangkan pernyataan unum yang difikirkan benar.

menggunakan pengetahuan sedia ada bagi membuat sesuatu penerangan.

mengenal pasti pemboleh ubah.

membuat inferens yang munasabah.


menentukan hubungan di antara dua pemboleh ubah berdasarkan inferens.

LEMBARAN KERJA

Tajuk :Geseran

Arahan : Jawab soalan di bawah

1. Rajah 1 menunjukkan satu penyiasatan. Kereta mainan ditolak dengan daya yang sama atas permukaan P, Q dan R.



Rajah 1

- a. Berdasarkan Rajah 1, apakah boleh ubah dimanipulasi yang digunakan dalam penyiasatan tersebut?

- b. Apakah yang akan direkodkan dalam penyiasatan di atas?

- c. Bina satu hipotesis berdasarkan jawapan kamu di (a) dan (b).

- d. Selain daripada faktor yang kamu nyatakan di (a), apakah faktor lain yang mempengaruhi keputusan penyiasatan kamu?

- e. Bina satu hubungan antara jawapan kamu di (d) dengan keputusan penyiasatan kamu.



Saya dapat membuat hipotesis dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

membuat kesimpulan awal yang boleh diuji.

mencadangkan pernyataan unum yang difikirkan benar.

menggunakan pengetahuan sedia ada bagi membuat sesuatu penerangan.

mengenal pasti pemboleh ubah.

membuat inferens yang munasabah.

menentukan hubungan di antara dua pemboleh ubah berdasarkan inferens.

Merancang dan menjalankan penyiasatan untuk menguji sesuatu hipotesis , mengumpulkan data, mentafsir data sehingga mendapat rumusan daripada penyiasatan itu



PETUNJUK

- Mencetus persoalan, memerhati, membuat inferens dan membentuk hipotesis
- Mengawal pembolehubah
- Mendefinisi secara operasi.
- Menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.
- Menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematik
- Merekod,menganalisis dan mentafsir data.
- Melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.



CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Tema/Tajuk : Interaksi antara Hidupan

Masa : 60 minit

Standard
Pembelajaran : 4.2.2

Objektif
Pembelajaran : Di akhir pembelajaran murid dapat:
i) Mengeksperimen untuk menentukan faktor yang menyebabkan persaingan antara tumbuhan iaitu ruang.

Standard Kandungan
4.2 Interaksi Antara tumbuhan

Standard Pembelajaran
4.2.2 Mengeksperimen untuk menentukan faktor yang menyebabkan persaingan antara tumbuhan iaitu:

- ruang
- cahaya matahari
- air
- nutrien

Aktiviti:

1. Murid dibahagikan kepada 6 kumpulan.
2. Guru menyatakan objektif pembelajaran iaitu mengkaji samada ruang merupakan faktor yang menyebabkan persaingan antara tumbuhan.
3. Murid diminta menyatakan hipotesis.
4. Murid diminta mengenalpasti pembolehubah dimalarkan, pembolehubah dimanipulasi dan pemboleh bergerakbalas.
5. Murid diminta menerangkan bagaimana cara merekodkan hasil penyiasatan mereka.
6. Murid diminta menerangkan bagaimana cara menjalankan penyiasatan mereka.
7. Murid menjalankan eksperimen berpandukan lembaran penyiasatan yang disediakan untuk setiap kumpulan.
8. Guru bersoal jawab dengan murid.
 - i) *Dalam penyiasatan tersebut, tentukan pembolehubah berikut:*
 - a) *Apa yang diubah (dimanipulasi)?*
 - b) *Apa yang diukur (bergerakbalas) ?*
 - c) *Apa yang dimalarkan (ditetapkan) ?*
 9. Seterusnya, lengkapkan jadual yang dilampirkan berdasarkan keputusan selepas 1 minggu.

EMK : kreativiti dan inovasi

Bahan Bantu Belajar : biji benih kacang hijau, 5 biji pasu sama saiz, tanah kebun, pembaris

Penilaian PdP : lembaran penyiasatan dan lembaran kerja

LEMBARAN PENYIASATAN

Tajuk : Persaingan tumbuhan


Bahan : Pasu, tanah kebun, biji kacang hijau, pembaris

Arahan :

- Rendamkan biji benih kacang hijau ke dalam satu bekas dan biarkan semalaman.
- Selepas biji benih bercambah, anak benih diletakkan ke dalam pasu mengikut jadual di bawah.

Pasu	Bilangan anak benih
A	1
B	5
C	10
D	15
E	20

- Letakkan semua pasu di luar makmal.



- Perhatikan perbezaan ketinggian anak pokok pada kelima-lima pasu tersebut pada hari yang ke-4.
- Pilih satu anak pokok dalam setiap pasu dan ukur ketinggian anak pokok dengan menggunakan pembaris.
- Rekodkan keputusan penyiasatan di dalam jadual di bawah.

Pasu	Bilangan anak benih	Ketinggian anak pokok (cm)
A	1	
B	5	
C	10	
D	15	
E	20	



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferensi dan membentuk hipotesis.

mengawal pemboleh ubah.

mendefinisi secara operasi.

menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.

menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematik.

merekod, menganalisis dan mentafsir data.

melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

LEMBARAN KERJA

Tajuk : Persaingan tumbuhan

Arahan :

Jawab soalan berikut berdasarkan eksperimen yang telah dijalankan.

i) Nyatakan pemboleh ubah yang terlibat dalam eksperimen ini.

- pemboleh ubah dimanipulasi
- pemboleh ubah bergerakbalas
- pemboleh ubah dimalarkan

ii) Nyatakan faktor persaingan tumbuhan yang terlibat.

iii) Nyatakan faktor persaingan selain jawapan di (ii)

iv) Ramalkan pemerhatian anda selepas seminggu pada:

a) Pasu A: _____

b) Pasu B : _____

v) Lukiskan ramalan pemerhatian anda selepas seminggu.

Pasu A	Pasu B

vi) Adakah hipotesis anda benar berdasarkan keputusan penyiasatan yang diperolehi?

vii) Nyatakan kesimpulan anda berdasarkan penyiasatan tersebut.



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferensi dan membentuk hipotesis.

mengawal pemboleh ubah.

mendefinisi secara operasi.

menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.

menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematik.

merekod, menganalisis dan mentafsir data.

melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Tema/Tajuk : Daya

Masa : 60 minit


Standard Pembelajaran : 6.2.2

Objektif Pembelajaran : Di akhir pembelajaran murid dapat:

1. Mengeksperimen bagi menentukan faktor yang mempengaruhi daya geseran.
2. Menyatakan faktor-faktor yang mempengaruhi daya geseran.

Aktiviti:

1. Guru memaparkan gambar yang menunjukkan situasi dua orang pelajar yang sedang menarik dua bongkah yang berlainan saiz.
2. Guru meminta murid menyatakan pelajar yang manakah yang lebih mudah menarik bongkah tersebut.
 - **Apakah yang dapat kamu perhatikan?**
 - **Pelajar yang manakah yang dapat menarik bongkah dengan cepat dan jauh?**
3. Murid menyatakan pemerhatian mereka berdasarkan gambar yang telah ditunjukkan oleh guru.



4. Murid memberikan sebab bagi setiap pemerhatian yang telah dinyatakan.
5. Murid dibahagikan kepada 6 kumpulan.
6. Murid menjalankan perbincangan tentang faktor-faktor yang mungkin mempengaruhi daya geseran.
7. Murid merancang satu eksperimen yang akan dijalankan dalam kumpulan bagi menguji faktor-faktor yang mempengaruhi daya geseran.
59

Standard Kandungan
6.2 Daya Geseran

Standard Pembelajaran

6.2.2 Mengeksperimen untuk menentukan faktor yang mempengaruhi daya geseran iaitu:

- Jisim objek
- Jenis permukaan

8. Murid menjalankan eksperimen yang telah dirancang dalam kumpulan yang telah dibentuk.
9. Murid mencatat hasil keputusan eksperimen yang dijalankan dan membentangkan hasil eksperimen mereka.
10. Guru memastikan murid telah mengemas dan menyimpan semua alatan dan bahan yang telah digunakan.
11. Berdasarkan hasil pembentangan setiap kumpulan, murid membuat kesimpulan tentang faktor-faktor yang mempengaruhi daya geseran.
 - Jisim objek
 - Jenis permukaan

EMK : kreativiti dan inovasi

Penilaian PdP : Lembaran penyiasatan

LEMBARAN PENYIASATAN

NAMA: _____

Nama Kumpulan : _____

Kelas: _____ Tarikh: _____

Tema: _____

Tajuk: _____

Sebelum eksperimen:

Tajuk penyiasatan : _____

Tujuan : _____

Apakah yang saya hendak cari? (Masalah saya)

Apakah pembolehubah yang saya hendak ;

Dimalar/tetapkan	Diubah (dimanipulasikan)	Bergerak balas

Apakah bahan yang diperlukan? (Bahan yang digunakan)

Apakah yang saya fikir akan berlaku? (Ramalan saya)

Semasa eksperimen:

Saya rekod /catat hasil dapatan: (Dapatan saya)



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

- mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferens dan membentuk hipotesis.
- mengawal pemboleh ubah.
- mendefinisi secara operasi.
- menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.
- menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematik.
- merekod, menganalisis dan mentafsir data.
- melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

Selepas eksperimen

Apakah yang diperhatikan (Pemerhatian) ?

Alasan saya/ penerangan mengapa terjadi?. (Membuat inferens)


Jika hendak mengulangi eksperimen ini, apakah pemboleh ubah lain yang boleh saya fikirkan ?

LEMBARAN KERJA

Tajuk: Daya Geseran

Arahan: Tulis jawapan kamu dalam ruangan yang disediakan

Rajah yang berikut menunjukkan penyiasatan yang dijalankan oleh seorang murid. Sebiji bola ditolak di atas permukaan X dan Y secara bergilir-gilir. Masa yang diambil oleh bola untuk melalui jarak sejauh 3 m di atas kedua-dua permukaan dicatatkan.



Berikut adalah keputusan penyiasatan ini.

Permukaan	Masa yang diambil (saat)
X	4
Y	6

(a) Berdasarkan penyiasatan ini, nyatakan:

- pemboleh ubah yang dimanipulasi.

- pemboleh ubah yang bergerak balas.

- pemboleh ubah yang dimalarkan.

(b) Tuliskan **satu** hipotesis yang dapat dibuat untuk penyiasatan ini.



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferens dan membentuk hipotesis.

mengawal pemboleh ubah.

mendefinisi secara operasi.

menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.

menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistemik.

merekod, menganalisis dan mentafsir data.

melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

- 2 Rajah yang berikut menunjukkan penyiasatan tentang daya geseran.



Arahan:

- Bongkah kayu ditolak di atas permukaan R.
- Jarak yang dilalui oleh bongkah kayu untuk berhenti di atas permukaan R diukur.
- Langkah ini diulang dengan menggunakan permukaan S, T, dan U yang berbeza keadaan permukaannya. Daya tolakan yang dikenakan ke atas bongkah kayu adalah sama bagi semua jenis permukaan.

Keputusan:

Permukaan	Jarak yang dilalui (m)
R	2
S	3
T	4
U	5

- Bandingkan keadaan permukaan T dan U.
- Mengapakah jarak yang dilalui oleh bongkah kayu di atas keempat-empat permukaan ini berbeza?

- Nyatakan pemboleh ubah yang dimalarkan dalam penyiasatan ini.
- Jika S ialah permukaan meja yang dialas dengan kertas surat khabar, ramalkan permukaan R.

Daya geseran yang dihasilkan oleh sesuatu permukaan bergantung kepada kekasaran permukaan itu.

(e) Berdasarkan pernyataan di atas, nyatakan :

- i. pemboleh ubah yang dimanipulasi.

- ii. pemboleh ubah yang bergerak balas.

(f) Tuliskan **satu** hipotesis berdasarkan pernyataan di atas.



CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Tema/Tajuk : Kelajuan

Masa : 60 minit

Standard
Pembelajaran : 7.1.3

Objektif
Pembelajaran : Di akhir pembelajaran murid dapat:

- i) Mengeksperimen bagi menentukan hubungkait kelajuan, jarak dan masa
- ii) Merekod data yang diperolehi.
- iii) Mentafsir data yang diperolehi

Aktiviti:

1. Setiap kumpulan diberikan satu situasi (rujuk lembaran 1).
2. Guru dan murid berosal jawab berkaitan dengan situasi.

Contoh soalan:

- Apakah pemerhatian kamu berdasarkan situasi 1?
- Apakah inferens yang boleh kamu buat?
- Mengapakah kamu mengatakan demikian?
- Adakah jarak yang dilalui oleh mereka sama?
- Bolehkan kamu membuat hubung kait di antara jarak dan masa dengan kelajuan?

3. Guru memberi satu pernyataan masalah dalam lembaran penyiasatan.
4. Murid berbincang dan merangka satu eksperimen tentang pernyataan masalah tersebut.
5. Murid menjalankan eksperimen yang telah dirancang.
6. Murid merekod hasil dapatan eksperimen.
7. Murid membuat kesimpulan dan membentangkan hasil dapatan mereka.

(Nota guru: Guru boleh menyediakan bahan lain mengikut kesesuaian persekitaran sekolah)

EMK : kreativiti dan inovasi

Penilaian PdP : Lembaran penyiasatan

Standard Kandungan

7.1 Kelajuan

Standard Pembelajaran

7.1.3 Mengeksperimen untuk menghubungkaitk kelajuan, jarak dan masa.

LEMBARAN PENYIASATAN

Tajuk: Penyiasatan Saya

Situasi 1



Alif menang pertandingan larian 100 meter dengan perbezaan masa 0.2 saat daripada Nabil.

- a) Nyatakan inferens bagi situasi di atas.

- b) Tuliskan satu hipotesis berdasarkan situasi di atas.

Pernyataan masalah:

**Kamu ada dua buah kereta mainan A dan B yang sama jenis.
Bagaimanakah kamu dapat menguji kereta mana yang lebih laju?**

Sebelum eksperimen:

Tajuk penyiasatan :

Tujuan : Apakah yang saya hendak cari? (Masalah saya)

Apakah pembolehubah:

a) dimanipulasi : _____

b) bergerak balas : _____

c) dimalarkan : _____

Nyatakan hipotesis yang boleh dibuat?

Apakah bahan yang diperlukan? (Bahan yang digunakan)

Apakah langkah-langkah yang perlu dilakukan untuk menjalankan eksperimen ini?

Semasa eksperimen:

Saya rekod /catat hasil dapatan: (Dapatan saya)



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

Selepas eksperimen

Apakah pemerhatian yang boleh diperhatikan ?

Apakah inferens yang boleh dubuat?.

Apakah tujuan eksperimen ini ?

Jika saya hendak mengulangi eksperimen ini, apa yang perlu saya ubah

mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferens dan membentuk hipotesis.

mengawal pemboleh ubah.

mendefinisi secara operasi.

menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.

menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematis.

merekod, menganalisis dan mentafsir data.

melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

LEMBARAN KERJA

Tajuk: Kelajuan

Arahan : Tulis jawapan kamu dalam ruangan yang disediakan

Jadual 1 menunjukkan penyiasatan pergerakan bole tenis.

Jarak pergerakan (m)	Masa bola tenis berhenti (s)	Kelajuan (m/s)
2	5	
4	10	
6	15	



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferens dan membentuk hipotesis.

mengawal pemboleh ubah.

mendefinisi secara operasi.

menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.

menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematis.

merekod, menganalisis dan mentafsir data.

melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

(a) Apakah tujuan aktiviti penyiasatan ini?

(b) Kitakan kelajuan bole tenis, isi jawapan kamu dalam jadual 1

(c) Nyatakan pemboleh ubah yang:

i. dimalarkan: _____

ii. dimanipulasikan: _____

iii. bergerak balas: _____

(d) Nyatakan hipotesis penyiasatan ini.

(e) Nyatakan corak kelajuan bola tenis.

(f) Jika jarak pergerakan ialah 3 meter, dan masa berhenti ialah 7 saat, kirakan kelajuan bola tenis.

(g) Jika kelajuan pergerakan bola getah ialah 30 m/s, dan masa diambil oleh bola getah untuk berhenti ialah 10 saat, kirakan jarak pergerakan bola getah.

(h) Jika kelajuan pergerakan bola tenis ialah 40 m/s, dan jarak pergerakan ialah 400 meter, kirakan masa bola tenis berhenti.

(i) Nyatakan kesimpulan penyiasatan ini.



CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Tema/Tajuk : Pengawetan Makanan

Masa : 60 minit

Standard Pembelajaran : 8.1.5, 8.1.6 dan 8.1.7

Objektif Pembelajaran : Di akhir pembelajaran murid dapat:

- i) Mengeksperimen bagi menentukan kaedah bagi pengawetan makanan
- ii) Menaakul kenapa kaedah pengawetan tersebut dipilih.

Aktiviti:

Persediaan awal guru

Guru menyediakan udang/ikan segar, garam dan bekas plastik bertutup yang dilabel.

Standard Kandungan
8.1 Kerosakan Makanan

Standard Pembelajaran
8.1.5 Menjalankan projek mengawet sejenis makanan dengan pelbagai kaedah.

8.1.6 Memerihalkan kepentingan teknologi pengawetan makanan bagi memenuhi keperluan bekalan makanan.

8.1.7. Menjelaskan pemerhatian melalui lakaran, TMK, penulisan atau lisan.

Hari Pertama

1. Guru menunjukkan selonggok udang/ikan yang segar.

Soalan.

a. Apakah yang akan berlaku sekiranya udang /ikan ini dibiarkan terdedah selama beberapa hari?

Jawapan murid : Udang/ikan menjadi busuk/ rosak/ berbau/ berlendir

b. Mengapakah kamu fikir udang/ikan menjadi sebegitu?

Jawapan murid : Tindakan bakteria.

c. Bagaimana kesegaran udang/ikan dapat dikekalkan lebih lama?

Jawapan murid : Menyimpan di dalam peti ais/meletakkan garam/mengeringkan bahan makanan akan tahan lebih lama.

2. Murid diagihkan kepada kumpulan untuk berbincang bagi memilih kaedah pengawetan dan langkah-langkah menjalankan eksperimen dengan bimbingan guru.

Soalan.

a. Apakah yang akan kamu lakukan kepada udang/ikan ini?

Jawapan murid : Lumurkan garam/tiada garam//masukkan ke dalam peti ais/ di luar peti ais
(Kesesuaian kuantiti garam ditentukan oleh guru)

3. Guru membekalkan 2 ekor udang/ikan kepada setiap kumpulan.
4. Murid memerhati dan merekod dalam bentuk jadual sifat fizikal udang/ikan dari segi bau, warna dan tekstur sebelum dimasukkan ke dalam bekas plastik bertutup

Contoh jadual yang dibina oleh murid :

Kaedah	Pemerhatian	Hari pertama	Hari kedua
Disimpan dalam almari/ tanpa garam	Bau		
	Warna		
	Tekstur		
Disimpan dalam peti sejuk/ dilumurkan garam	Bau		
	Warna		
	Tekstur		

5. Murid menjalankan eksperimen mengikut langkah-langkah yang telah dibincangkan.

Hari Kedua

1. Murid mengeluarkan kedua – dua spesimen udang/ikan dan membuat pemerhatian terhadap sifat fizikal udang.
2. Murid merekod pemerhatian terhadap kedua – dua spesimen udang di dalam lembaran penyiasatan.
3. Murid merumus dan membentangkan hasil dapatan mereka tentang perbezaan udang/ikan di hadapan kelas.
 - Murid mengitlak bahawa udang akan tahan lebih lama jika disejukbekukan/dilumurkan garam.

EMK : kreativiti dan inovasi

Penilaian PdP : Lembaran penyiasatan



LEMBARAN PENYIASATAN

Tajuk : Pengawetan makanan

Arahan 1 : Lengkapkan ruangan yang disediakan berdasarkan eksperimen yang dijalankan.

Sebelum eksperimen:

Tajuk penyiasatan : _____

Tujuan : _____

Hipotesis saya :

Apakah pembolehubah yang ;

Ditetapkan (dimalarkan)	Berubah (dimanipulasikan)	Diperhatikan (bergerak balas)

Apakah bahan yang diperlukan?

Apakah yang akan berlaku kepada udang/ikan selepas dua hari?

Catatan hasil dapatan:

Kaedah	Pemerhatian	Hari pertama	Hari kedua
Disimpan dalam almari	Bau		
	Warna		
	Tekstur		
Disimpan dalam peti sejuk	Bau		
	Warna		
	Tekstur		



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferens dan membentuk hipotesis.

mengawal pemboleh ubah.

mendefinisi secara operasi.

menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.

menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematis.

merekod, menganalisis dan mentafsir data.

melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

Apakah kesimpulan daripada eksperimen ini?

Nyatakan kaedah lain yang sesuai untuk mengawet udang/ikan?



CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Tema/Tajuk : Bahan Buangan

Masa : 60 minit

Standard
Pembelajaran : 9.1.2 dan 9.1.3

- Objektif
Pembelajaran :
- Di akhir pembelajaran murid dapat:
- i. Mendefinisi secara operasi maksud bahan terbiodegradasi dan bahan tidak terbiodegradasi.
 - ii. Menjalankan eksperimen untuk menentukan bahan terbiodegradasi dan bahan tidak terbiodegradasi.
 - iii. Murid dapat mengelaskan bahan kepada terbiodegradasi dan bahan tidak terbiodegradasi.

Aktiviti:

Persediaan awal guru

Menyediakan bahan dan alatan seperti sisa makanan, botol plastik, bekas makanan polisterina, tin minuman, suratkhabar, cangkul dan sarung tangan.

1. Guru menggalakkan murid mencetuskan idea berkaitan bahan buangan melalui soal jawab.
 - Adakah plastik dan sisa makanan akan berubah selepas beberapa hari?
 - Bolehkah plastik dan sisa makanan dibuang di tempat yang sama? Mengapa ?
2. Murid membuat hipotesis : ada bahan boleh mereput, ada bahan tidak boleh mereput.
3. Murid dibahagikan kepada 6 kumpulan untuk menjalankan eksperimen di tempat yang bersesuaian di dalam kawasan sekolah.
4. Eksperimen dijalankan untuk menentukan pengelasan bahan buangan terbiodegradasi dan bahan buangan tidak terbiodegradasi.
5. Murid diberikan bahan sisa makanan, botol plastik, bekas makanan, polisterina, tin minuman dan suratkhabar.

Standard Kandungan

9.1 Bahan Buangan

Standard Pembelajaran

9.1.2 Menyatakan maksud bahan buangan terbiodegradasi dan tidak terbiodegradasi.

9.1.3 Mengelaskan bahan buangan kepada bahan terbiodegradasi dan bahan tidak terbiodegradasi.

6. Murid mencatatkan keadaan bahan sebelum ditanam di lembaran kerja.*(digalakkan mengambil gambar)
7. Bahan-bahan tersebut ditanam dan kemudiannya dilabelkan lokasinya.
8. Murid mengemas semula peralatan yang telah digunakan. *(pastikan murid membasuh tangan dan aspek keselamatan diutamakan)
9. Pemerhatian akan dibuat selepas 2 minggu. .
10. Guru membimbing murid untuk memahami:
 - i) Bahan boleh reput dikenali sebagai bahan terbiodegradasi.
 - ii) Bahan tidak boleh mereput sebagai bahan tidak terbiodegradasi.
11. Murid mendefinasi secara operasi maksud bahan terbiodegradasi dan bahan tidak terbiodegradasi.

EMK : kreativiti dan inovasi

Penilaian PdP : Lembaran penyiasatan



LEMBARAN PENYIASATAN

Tajuk : Pengawetan makanan

Arahan 1 : Lengkapkan ruangan yang disediakan berdasarkan eksperimen yang dijalankan.

Sebelum eksperimen:

Tajuk penyiasatan : _____

Tujuan : _____

Apakah yang saya hendak siasat? (Masalah saya)

Apakah pembolehubah dalam eksperimen ini ;

Dimanipulasikan	Bergerakbalas	Dimalarkan

Apakah bahan yang diperlukan? (Bahan yang digunakan)

Apakah yang saya fikir akan berlaku? (Ramalan saya)

Dapatkan eksperimen:

Pemerhatian selepas 2 minggu

Bil	Bahan	Gambar/Keadaan Sebelum	Gambar/Keadaan Selepas
1			
2			
3			
4			
5			
6			



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferens dan membentuk hipotesis.

mengawal pemboleh ubah.

mendefinisi secara operasi.

menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.

menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematis.

merekod, menganalisis dan mentafsir data.

melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

1. Berikan inferens berdasarkan pemerhatian anda?

Bil	Bahan	Inferens
1		
2		
3		
4		
5		
6		

2. Apakah kesimpulan daripada eksperimen ini?



CADANGAN PENGAJARAN DAN PEMBELAJARAN

Tema/Tajuk : Teknologi

Masa : 60 minit

Standard
Pembelajaran : 12.1.1

Objektif
Pembelajaran : Di akhir pembelajaran murid dapat:
i) Menjelaskan tuas sebagai alat untuk
memudahkan kerja melalui eksperimen.

Aktiviti PdP :

1. Murid dibahagikan mengikut kumpulan.
2. Guru mengedarkan kad tugas dan lembaran penyiasatan pada setiap kumpulan. *Rujuk lampiran.*
3. Murid merekod hasil dapatan eksperimen dalam jadual yang disediakan.
4. Ketua kumpulan merumus dan membentangkan hasil dapatan mereka di depan kelas.

Standard Kandungan

12.1 Mesin

Standard Pembelajaran


12.1.1 Menjelaskan dengan contoh jenis dan kegunaan mesin ringkas iaitu:

- o Satah condong
- o Tuas
- o Baji
- o Gear
- o Skru
- o Takal
- o Roda dan gandar



LEMBARAN PENYIASATAN

1. Teliti rajah dan alatan yang diberi.



2. Bina satu hipotesis.
3. Susun langkah-langkah bagaimana menjalankan eksperimen mengikut urutan yang betul.
4. Lengkapkan lembaran penyiasatan yang diberi.

Tajuk : Mesin

Arahah 1 : Lengkapkan ruangan yang disediakan berdasarkan eksperimen yang dijalankan.

Sebelum eksperimen:

Tajuk penyiasatan : _____

Tujuan : _____

Apa yang ingin saya kaji? (Masalah saya)

Apakah pembolehubah yang saya hendak ;

- i. Dimalarkan: _____
- ii. Dimanipulasikan : _____
- iii. Bergerakbalas : _____

Apakah bahan yang diperlukan? (Bahan yang digunakan)

Apakah langkah-langkah yang saya lakukan?

Semasa eksperimen:

Saya rekod /catat hasil dapatan: (Dapatan saya)



Saya dapat menjalankan eksperimen dengan:
(tandakan ✓ pada yang bahagian yang berkenaan)

mencetuskan persoalan, memerhati, membuat inferens dan membentuk hipotesis.

mengawal pemboleh ubah.

mendefinisi secara operasi.

menentukan peralatan yang diperlukan bagi sesuatu eksperimen.

menguji hipotesis dengan menjalankan prosedur yang sistematis.

merekod, menganalisis dan mentafsir data.

melapor keputusan eksperimen yang telah dijalankan.

Selepas eksperimen:

1. Apakah pemerhatian yang boleh diperhatikan?

2. Berikan inferens.

3. Apakah yang saya pelajari daripada eksperimen ini?

4. Jika saya hendak mengulangi eksperimen ini, apa yang perlu saya ubah.



KEMENTERIAN PELAJARAN MALAYSIA
BAHAGIAN PEMBANGUNAN KURIKULUM
ARAS 4-8, BLOK E9
KOMPLEKS KERAJAAN PARCEL E
PUSAT PENTADBIRAN KERAJAAN PERSEKUTUAN
62604 PUTRAJAYA

Tel: 03-8884 2000 Fax: 03-8888 9917
<http://www.moe.gov.my/bpk>